

26/10/2002

PM persoal tindakan Barat anggap Malaysia tidak selamat

Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan tindakan sesetengah negara Barat menyenaraikan Malaysia sebagai negara yang tidak selamat untuk dikunjungi.

"Saya ingin tahu daripada mereka apakah bukti bahawa kita adalah negara yang perlu diambil langkah berjaga-jaga paling tinggi. Mereka tidak pula memberitahu kita apa yang kita tidak tahu," kata Perdana Menteri.

Merujuk tindakan Jerman menyertai beberapa negara Barat mengeluarkan amaran serupa, Perdana Menteri berkata tindakan itu hanya akan menakutkan pelancong serta pelabur hingga menjejaskan ekonomi negara.

"Saya amat kecewa kerana mereka membuat keputusan tanpa bukti. Ini sama dengan sabotaj ekonomi jika ia tidak benar," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno diminta mengulas tindakan Jerman mengeluarkan amaran kepada rakyatnya supaya mengambil langkah berjaga-jaga paling tinggi apabila mengunjungi Malaysia yang dianggap terdedah kepada ancaman keganasan.

Sebelum ini, Australia, Kanada dan Britain mengeluarkan amaran serupa selepas peristiwa pengeboman di Bali, dua minggu lalu.

Mengenai kecenderungan media Barat menyatakan Malaysia negara yang tidak selamat untuk dilawati, khususnya selepas pengeboman di Bali, Dr Mahathir berkata negara Barat juga tidak selamat daripada keganasan.

"Saya difahamkan orang yang melakukan tembak curi di Washington adalah bernama Mohamad, maka kita tidak selamat di mana-mana walaupun di ibu kota negara Barat," katanya.

Ditanya apakah yang boleh dilakukan Malaysia berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata negara hanya boleh membantah.

Mengenai penulis "Inside al-Qaeda: Global Network of Terror", Rohan Gunaratna, yang dijemput menghadiri perbincangan anjuran Institut Kajian Strategik Dan Antarabangsa (Isis) Malaysia bulan depan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menghalangnya.

"Kita sudah kaji dan tengok buku dia. Dia tak kata apa yang kita kata dia kata," katanya.